

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini  
Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)**

**Penggunaan Edisi Terkini Standard Program: Pendidikan**  
[Pekeliling MQA Bil. 3/2025 bertarikh 13 Mac 2025]

**Ringkasan ketetapan**

- i. Standard Program: Pendidikan bagi edisi terkini telah dibangunkan oleh MQA dan penggunaan akan berkuat kuasa pada 17 Mac 2026.
- ii. MQA telah melaksanakan kajian semula Standard Program: Pendidikan berasaskan input yang diterima daripada pihak berkepentingan, disemak serta ditambah baik oleh panel pakar yang terdiri daripada ahli akademik dan industri agar selaras dengan perkembangan semasa pendidikan tinggi pada peringkat nasional dan antarabangsa.
- iii. Kajian semula standard program dibuat berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti di Malaysia berdasarkan Kod Amalan MQA serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) Edisi Kedua 2024.
- iv. Standard program ini perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF, dokumen jaminan kualiti yang berkaitan serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa.
- v. Dokumen Standard Program: Pendidikan edisi terkini akan berkuat kuasa pada 17 Mac 2026, boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

**Tindakan di peringkat UPM**

- vi. Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Sains atau PTJ lain yang menawarkan program major-minor dalam bidang pendidikan perlu merujuk kepada standard program ini untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap edisi terkini mengikut ketetapan MQA seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Perkara</b>	<b>Catatan</b>
1.	17 Mac 2025 - 16 Mac 2026	<p>Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi standard program.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kohort pelajar yang diambil <b>selepas transisi tamat perlu menggunakan pakai kurikulum baharu</b> dalam standard program.</li> <li>ii. Kohort pelajar yang <b>sedang berada dalam sistem</b> boleh menggunakan pakai kurikulum sedia ada seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT. Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin menggunakan pakai kurikulum baharu jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.</li> </ul>	<p>Selepas 16 Mac 2026 adalah kemasukan Semester Pertama 2026/2027.</p> <p>Kemasukan sebelum 16 Mac 2026 iaitu Semester Kedua 2025/2026 dan sebelumnya boleh menggunakan kurikulum sedia ada.</p>
2.	17 September 2025	Pengambilan pelajar bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.	Pengambilan pelajar bagi kemasukan mulai Semester Pertama 2026/2027 perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.
3.	17 September 2025	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara perlu mematuhi standard program.	Cadangan penawaran program baharu bermula 17 Mac 2026 perlu mematuhi standard program terkini.

Disediakan oleh:  
 Pusat Jaminan Kualiti (CQA)  
 Universiti Putra Malaysia  
 4 Jun 2025